A

Pendakwa Raya lwn Aiman Abdullah Qasem Barqoq

B

MAHKAMAH TINGGI (SHAH ALAM) — PERBICARAAN JENAYAH NO 45A-59–07 TAHUN 2018
ABDUL KARIM H
14 SEPTEMBER 2020

C

Prosedur Jenayah — Dadah berbahaya — Pengedaran — Tertuduh dituduh atas kesalahan mengedar dadah jenis cathonine — Sama ada kuantiti bahan cathonine telah dibuktikan — Sama ada pengedaran sebenar oleh tertuduh telah berjaya dibuktikan — Sama ada rantai identiti barang kes terputus — Sama ada pendakwaan telah membuktikan kes prima facie — Akta Dadah Berbahaya 1952 s 39B(1)(a)

D

Tertuduh telah dituduh bawah s 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 kerana mengedar dadah berbahaya jenis cathinone seberat 23,756g. Pada 9 Februari 2018, pegawai kastam Megat Mohd Aliff bin Megat Noor ('SP5') ketika sedang bertugas membuat isihan parcel/kotak di bahagian operasi di Pusat Mel dan Kurier KLIA, telah memeriksa dua buah parcel. SP5 telah membawa parcel tersebut ke mesin pengimbas dan mengimbasnya. Hasil daripada imbasan, terdapat imej yang meragukan atas kedua-dua parcel tersebut. SP5 kemudian merujuk hal tersebut kepada ketua unit beliau dan SP5 diarahkan untuk membuat borang tahan JK78 untuk kedua-dua parcel tersebut. Pegawai kastam Mohd Shazrul Izhan bin Sulaiman ('SP13') yang bertugas di bahagian yang sama telah mengeluarkan dua borang JK78. Satu diserahkan kepada ketua pos Muhammad Azlan bin Rahim ('SP6') dan satu lagi diserahkan kepada tertuduh. SP13 yang pada masa sama bertugas di bahagian belakang telah mengimbas kedua-dua parcel. Beberapa hari kemudian, pada 13 Februari 2018, SP6 yang bertugas di Pos Bahagian Mel dan Kurier KLIA atau Pos Malaysia International Hub (PMIH) telah didatangi oleh tertuduh dengan membawa borang hijau bagi tujuan pengambilan barang dengan catatan item No E5042 dan nama tertuduh Aiman Abdullah. Berdasarkan satu kertas putih yang diberi oleh tertuduh yang mempunyai nombor tracking, SP6 telah memperoleh nombor rujukan pos E5042. Dengan nombor rujukan pos tersebut, SP2 berjaya mengesan dua buah parcel di rak bilik tahanan barang yang diletak bersama docket seri nombor E5042 berserta borang JK78 dan borang pos PKI. Borang pos PKI tercatat tracking no bagi kedua-dua parcel itu. SP6 telah menyerahkan kepada tertuduh kedua-dua parcel tersebut. Tertuduh menurunkan butir-butir peribadi tertuduh serta akuan penerimaan di buku daftar kaunter. Selesai proses tuntutan, tertuduh mengambil kedua-dua parcel dan pergi berurusan di kaunter 2. Pada hari yang sama, SP13 yang bertugas di kaunter 2 telah didatangi oleh tertuduh

E

F

G

H

I

membawa bersama dua parcel tersebut. Tertuduh telah membuka salah satu parcel di hadapan SP13. Tertuduh telah mengatakan barang itu sebagai *green tea* sambil mengunyah bahan tumbuhan itu di hadapan SP13. SP13 mengarahkan tertuduh ke kaunter 3 bagi urusan seterusnya. Dalam masa yang sama, SP13 telah memberitahu perkara tersebut kepada ketua unit Khairul Azhar bin Abu Hasan yang ada bersama-sama ketua serbuan untuk stand by di luar. Tertuduh kemudian pergi ke kaunter 3 dan berjumpa dengan kerani pos Halimatul Hidayah bt Zakaria ('SP7') dengan membawa bersamanya apa yang dikatakan oleh SP7 sebagai consignment notes dengan catatan tulisan tangan. Selepas menerima P29 dan borang JK78 (P24) daripada tertuduh, SP8 telah daftar butir-butir dalam sistem dan mengeluarkan satu salinan borang kastam kepada tertuduh. SP9 telah mengarahkan tertuduh membawa bersama borang P30 ke MAQIS bagi pengesahan barang dan parcel itu. SP9 telah bergerak bersama pasukan serbuan yang terdiri daripada Aishah bt Ariffin ('SP8') dan tiga lagi anggota dari Bahagian Penguatkuasa Kastam KLIA pergi ke Pusat Mel dan Kurier KLIA. SP8 bersama dua lagi anggota telah berkawal dari sebelah tepi sementara SP9 berkawal di pintu utama dan membuat rondaan. SP8 mendapati tertuduh keluar daripada pintu sambil menolak troli yang dimuati dengan dua bungkusan guni kain berwarna putih. SP8 telah menahan tertuduh dan tertuduh memaklumkan kepada SP8 bahawa dia membawa teh dan datang bersama seorang kawan. SP9 kemudian telah pergi ke pondok pengawal polis bantuan Pusat Mel dan Kurier untuk mengambil dokumen tertuduh. Hasil daripada pemeriksaan mendapati nama di dalam pasport tertuduh sama dengan nama yang tertera di dua bungkusan. Tertuduh dan barang kes ditahan dan dibawa ke Pejabat Penguatkuasa KLIA untuk tindakan lanjut. Semua barang kes dan tertuduh telah diserahkan kepada pegawai penyiasat Mohd Firdaus bin Suhaimi ('SP14'). Pada 22 Februari 2018, SP14 telah menghantar barang-barang kes berkaitan tumbuhan hijau kering ke ahli kimia Rahmat bin Mamat (SP4) untuk dianalisis. SP4 telah menjalankan analisis dan mendapati daun-daun tumbuhan tersebut mengandungi cathinone dengan berat bersih keseluruhan bahan tumbuhan berjumlah 11,531g dalam kotak pertama bertanda 'S' dan 12,225g dalam kotak kedua bertanda 'N'. Cathinone adalah disenaraikan dalam Jadual Pertama Akta Dadah Berbahaya 1952. Pihak pembelaan telah mencabar kaedah ahli kimia mendapat dapatan bahawa bahan tumbuhan itu mengandungi berat bersih 11,531g dan 12,225g cathinone. Pihak pendakwaan menyatakan cathinone yang terkandung dalam daun-daun tumbuhan seberat 23,756g. Dalam memenuhi inti pati kesalahan, pihak pendakwaan berhujah bahawa hanya perlu membuktikan terdapat bahan dadah jenis cathinone terkandung dalam daun-daun tumbuhan yang dirampas dari kedua-dua guni tersebut. Mahkamah juga mempertimbangkan isu sama ada ada terdapat pengedaran dadah oleh tertuduh. Pihak pembelaan membangkitkan melalui saksi pihak pendakwaan SP5, SP6 dan SP13 bahawa bungkusan guni kain P9 dan P10 itu boleh diakses dan tidak dijaga dengan sempurna oleh pekerja lain di Pusat Mel

dan Kurier KLIA dan berhujah bahawa terdapat rantai identiti barang kes terputus.

Diputuskan, melepaskan dan membebaskan tertuduh:

(1) Mahkamah mendapati sukar untuk menerima dapatan yang dicapai oleh SP4 mengenai kuantiti cathinone pada bahan tumbuhan itu. Memandangkan ia merupakan satu dapatan fakta maka mahkamah ini berhak menentukan sama ada dapatan itu munasabah dan boleh diterima. Cathinone tidak ditafsirkan tetapi hanya disenaraikan di bawah Jadual Pertama Bahagian ke-III Akta Dadah Berbahaya 1952 sebagai dadah berbahaya. Memandangkan cathinone tidak ditafsirkan sebagai bahan tumbuhan atau bahan aktif yang terdapat dalam tumbuhan maka ia harus dibuktikan kuantiti sebenar cathinone yang terdapat pada tumbuhan itu. Bahan-bahan tumbuhan hijau dan kering harus dianalisis seratus peratus agar dapat dipastikan bahan aktif cathinone terdapat padanya. Jadual Pertama hanya menyatakan 'cathinone'. Pihak pendakwaan harus membuktikan jumlah bahan cathinone itu bukan dengan menyamakan kuantiti berat bahan tumbuhan itu sebagai berat cathinone sebenar secara am. SP4 secara jelas menyatakan bahawa berat daun-daun yang mengandungi cathinone 23,756g adalah berat tumbuhan bukan berat cathinone. Mahkamah mendapati analisis yang dijalankan oleh SP4 tidak konklusif dan tidak dapat menentukan kuantiti bahan cathinone sebenar dan ia tidak boleh diterima oleh mahkamah (lihat perenggan 20–22).

(2) Memandangkan tiada anggapan undang-undang pengedaran boleh digunakan bagi pemilikan cathinone, maka pihak pendakwaan harus membukitkan secara langsung pengedaran sebenar oleh tertuduh. Dengan hanya menunjukkan tertuduh membawa dari satu tempat ke satu tempat dadah tersebut tidak dengan sendirinya menunjukkan pengedaran kecuali ditunjukkan tertuduh milikan mens rea diikuti dengan satu overt act oleh tertuduh. Hanya milikan secara pasif tidak mencukupi. Daun-daun yang dikatakan terdapat dadah cathinone itu hanya dibungkus secara terbuka yang mudah dikesan oleh sesiapa dan tidak melibatkan penyerahan kepada mana-mana pihak ketiga. Tertuduh hanya memiliki secara pasif dan jumlah dadah sebenar tidak dapat ditentukan. Tidak mungkin dengan perbuatan tersebut, tertuduh membawa bungkusan itu untuk tujuan pengedaran (lihat perenggan 23).

(3) Mahkamah mendapati daripada fakta dan hal keadaan kes, pihak pendakwaan telah gagal membuktikan melampaui keraguan akan identiti dan rantaian keterangan barang kes yang dikemukakan di mahkamah itu merupakan barang kes yang sama ditahan dan dirampas pada hari kejadian (lihat perenggan 34).

(4) Mahkamah juga mendapati bahawa tertuduh tidak mempunyai pengetahuan akan barang kes yang terkandung dalam dua bungkusan guni kain dan kotak itu adalah dadah berbahaya cathinone. SP13 menyatakan tertuduh membuka sendiri salah satu kotak itu dan mengambil serta mengunyah sendiri tumbuhan hijau kering itu di hadapannya sambil memberitahu *green tea*. Dari keterangan ini tentunya pengetahuan tertuduh terhadap tumbuhan hijau kering itu adalah satu tumbuhan daripada kategori teh yang dibenarkan untuk diminum. SP9 pula menyatakan tertuduh tidak cuba lari, melawan dan tertuduh memberi kerjasama semasa ditahan, ini menunjukkan perlakuan orang yang tidak bersalah atau tidak mengetahui bahan tumbuhan kering itu mengandungi cathinone. Dengan itu, mahkamah mendapati pihak pendakwaan gagal membuktikan satu kes prima facie terhadap tertuduh (lihat perenggan 35–36).

[English summary

The accused was charged under s 39B(1)(a) of the Dangerous Drugs Act 1952 for trafficking 23,756g of cathinone. On 9 February 2018, customs officer Megat Mohd Aliff bin Megat Noor ('SP5') while on duty to sort parcels/boxes at the operations section at the KLIA Mail and Courier Centre, had inspected two parcels. SP5 took the parcels to a scanner machine and scanned them. As a result of the scan, there were dubious images on both parcels. SP5 then referred the matter to his unit head and SP5 was instructed to prepare 'borang tahan' JK78 for both parcels. Customs officer Mohd Shazrul Izhan bin Sulaiman ('SP13') who works in the same division has issued two JK78 forms. One was handed over to post head Muhammad Azlan bin Rahim ('SP6') and the other was handed over to the accused. SP13 who was at the same time on duty at the back had scanned both parcels. A few days later, on 13 February 2018, SP6 who was on duty at the KLIA Mail and Courier Division or Pos Malaysia International Hub (PMIH) was approached by the accused with a green form for the purpose of taking goods with item No E5042 and the name of the accused Aiman Abdullah. Based on a white paper given by the accused which had a tracking number, SP6 had obtained postal reference number E5042. With the postal reference number, SP2 managed to locate two parcels on the shelves of the goods detention room which were placed together with docket serial number E5042 together with form JK78 and PKI postal form. The PKI postal form stated the tracking number for both parcels. SP6 handed over the two parcels to the accused. The accused written down the personal details of the accused as well as the acknowledgment of receipt in the counter register book. After the claim process, the accused took the two parcels and went to counter 2. On the same day, SP13 who was on duty at counter 2 was approached by the accused with the two parcels. The accused had opened one of the parcels in front of SP13. The accused said the item was green tea while chewing the plant material in front of SP13. SP13 directed the accused to counter 3 for further business. At the same time, SP13 informed the matter to

the unit head Khairul Azhar bin Abu Hasan who was with the raiding head to stand by outside. The accused then went to counter 3 and met the post clerk Halimatul Hidayah bt Zakaria ('SP7') by bringing with him what SP7 said were consignment notes with handwritten notes. After receiving P29 and form JK78 (P24) from the accused, SP8 had key in the details in the system and issued a copy of the customs form to the accused. SP9 has instructed the accused to bring form P30 to MAQIS for verification of the goods and parcel. SP9 moved with a raiding team consisting of Aishah bt Ariffin ('SP8') and three other members from the KLIA Customs Enforcement Division to the KLIA Mail and Courier Centre. SP8 along with two other members patrolled from the side while SP9 patrolled at the main gate and patrolled. SP8 found the accused coming out of the door while pushing a trolley loaded with two packages of white cloth sacks. SP8 had arrested the accused and the accused informed SP8 that he brought tea and came with a friend. SP9 then went to the Mail and Courier Center assistance police guard hut to pick up the accused's documents. The results of the inspection found that the name in the accused's passport was the same as the name on the two packages. The accused and the case items were detained and taken to the KLIA Enforcement Office for further action. All case exhibits and the accused were handed over to investigating officer Mohd Firdaus bin Suhaimi ('SP14'). On 22 February 2018, SP14 sent case exhibits related to dried green plants to chemist Rahmat bin Mamat (SP4) for analysis. SP4 conducted an analysis and found that the leaves of the plant contained cathinone with the total net weight of plant material amounting to 11,531g in the first box marked 'S' and 12,225g in the second box marked 'N'. Cathinone is listed in the First Schedule of the Dangerous Drugs Act 1952. The defense has challenged the chemist's method of finding that the plant material contained a net weight of 11,531g and 12,225g of cathinone. The prosecution stated the cathinone contained in the leaves of the plant weighed 23,756g. In satisfying the elements of the offense, the prosecution argued that it was only necessary to prove that there was a cathinone-type drug contained in the plant leaves seized from the two sacks. The court also considered the issue of whether there was drug trafficking by the accused. The defense raised through prosecution witnesses SP5, SP6 and SP13 that the P9 and P10 cloth sack packages were accessible and not properly cared for by other employees at the KLIA Mail and Courier Centre and argued that there was a broken chain of identity of case exhibits.

Held, acquitting and discharging the accused:

(1) The court found that it was difficult to accept the findings reached by SP4 as to the quantity of cathinone in the plant material. As it is a finding of fact then this court reserves the right to determine whether the finding is reasonable and admissible. Cathinone is not construed but is only listed under Part III of the First Schedule of the Dangerous Drugs Act 1952 as a dangerous drug. Since cathinone is not construed as a plant

substance or active substance found in a plant then it should be proved the actual quantity of cathinone present in that plant. Green and dried plant ingredients should be analysed one hundred percent to ensure that the active ingredient cathinone is present in it. The First Table only states 'cathinone'. The prosecution should prove the amount of cathinone substance not by equating the weight quantity of the plant substance as the actual weight of cathinone in general. SP4 clearly stated that the weight of the leaves containing cathinone of 23,756g was the weight of the plant not the weight of cathinone. The court found that the analysis conducted by SP4 was inconclusive and could not determine the actual cathinone substance quantity and it was unacceptable to the court (see paras 20–22).

(2) Since there was no presumption of trafficking can be applied to the possession of cathinone, the prosecution must directly prove the actual trafficking by the accused. By merely showing the accused carrying from one place to another the drug does not in itself indicate trafficking unless it was shown that the accused possessed mens rea followed by an overt act by the accused. Just passive possession is not enough. The leaves which are said to contain the drug cathinone are only openly packaged which was easily detected by anyone and does not involve delivering to any third party. The accused only possessed passively and the actual amount of drugs could not be determined. It was not possible by such act, the accused brought the package for the purpose of trafficking (see para 23).

(3) The court found that from the facts and circumstances of the case, the prosecution has failed to prove beyond a doubt the identity and chain of evidence of the case exhibits adduced in the court are the same case items detained and seized on the day of the incident (see para 34).

(4) The court also found that the accused had no knowledge of the case exhibits contained in the two cloth sack packages and the box was the dangerous drug cathinone. SP13 stated that the accused opened one of the boxes himself and took and chewed the dried green plant in front of him while telling it was green tea. From this evidence, it was certain that the accused's knowledge of the dried green plant is a plant from the category of tea that is allowed to be drink. SP9, on the other hand, stated that the accused did not try to run away, resisted and the accused cooperated while detained, this showed the behavior of the innocent person or did not know that the dried plant material contained cathinone. Thus, the court found that the prosecution had failed to prove a prima facie case against the accused (see paras 35–36).]

Kes-kes yang dirujuk

Hasbala Mohd Sarong v PP [2013] 6 MLJ 636; [2013] 6 CLJ 945, FC (refd)
Mohamad Yazri bin Minhat v PP [2003] 2 MLJ 241; [2003] 2 CLJ 65, CA (refd)
Natcha Dabkaew v PP [2014] 8 CLJ 719, CA (refd)
Ong Ah Chuan v PP; Koh Chai Cheng v PP [1981] 1 MLJ 64; [1980] 1 LNS 181, PC (refd)
PP v Mohd Radzi bin Abu Bakar [2005] 6 MLJ 393; [2006] 1 CLJ 457; [2005] 6 AMR 303, FC (refd)
Sia Pang Liong v PP [2013] 2 MLJ 490; [2012] 9 CLJ 848, FC (refd)
Yusri bin Pialmi v PP [2011] 4 MLJ 533; [2010] 6 CLJ 878, FC (refd)

Undang-undang yang dirujuk

Akta Dadah Berbahaya 1952 s 39B(1)(a), Jadual Pertama, Bahagian III
Kanun Tatacara Jenayah s 180(1), (3)

Azamuddin Abd Aziz (Azamuddin and Co) bagi pihak perayu.
Yazid Mustaqim Roslan (Timbalan Pendakwa Raya, Jabatan Peguam Negara) bagi pihak pendakwaan.

Abdul Karim H:

[1] Tertuduh telah dituduh bawah s 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 kerana mengedar dadah berbahaya jenis cathinone seberat 23,756g. Pertuduhan sebagaimana berikut:

> Bahawa kamu pada 13 Februari 2018, jam lebih kurang 10.00 pagi, bertempat di Pejabat Pos Pusat Mel dan Kurier (PMK) KLIA, di dalam Daerah Sepang, di dalam Negeri Selangor Darul Ehsan, telah mengedar dadah berbahaya iaitu cathinone di dalam tumbuhan seberat 23,756 gram dan dengan itu kamu telah melakukan satu kesalahan di bawah seksyen 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 dan boleh dihukum di bawah seksyen 39B(2) akta yang sama.

FAKTA KES PIHAK PENDAKWAAN

[2] Pada 9 Februari 2018 jam lebih kurang 9.30 pagi pegawai kastam Megat Mohd Aliff bin Megat Noor (SP5) ketika sedang bertugas membuat isihan parcel/kotak di bahagian operasi di Pusat Mel dan Kurier KLIA, telah memeriksa dua buah parcel. SP5 telah membawa parcel tersebut ke mesin pengimbas dan mengimbasnya. Hasil daripada imbasan, terdapat imej yang meragukan atas kedua-dua parcel tersebut. SP5 kemudian merujuk hal tersebut kepada ketua unit beliau dan SP5 diarahkan untuk membuat borang tahan JK78 untuk kedua-dua parcel tersebut. Pegawai kastam Mohd Shazrul Izhan bin Sulaiman (SP13) yang bertugas di bahagian yang sama telah mengeluarkan dua borang JK78 (P24). Satu diserahkan kepada ketua pos

Muhammad Azlan bin Rahim (SP6). Satu lagi diserahkan kepada tertuduh. SP13 yang pada masa sama bertugas di bahagian belakang telah mengimbas kedua-dua parcel.

[3] Beberapa hari kemudian, pada 13 Februari 2018 lebih kurang jam 9 pagi hingga 10 pagi, pegawai pos Muhammad Azlan bin Rahim (SP6) yang bertugas di Pos Bahagian Mel dan Kurier KLIA atau Pos Malaysia International Hub (PMIH) telah didatangi oleh tertuduh dengan membawa borang hijau (P26) bagi tujuan pengambilan barang dengan catatan item No E5042 dan nama tertuduh Aiman Abdullah, No passport 06102147 serta nombor telefon 011–60972082 berserta tandatangan penama. Berdasarkan satu kertas putih yang diberi oleh tertuduh yang mempunyai nombor tracking, SP6 telah memperolehi nombor rujukan pos E5042. Dengan nombor rujukan pos tersebut, SP2 berjaya mengesan dua buah parcel di rak bilik tahanan barang yang diletak bersama docket seri nombor E5042 berserta borang JK78 (P26) dan borang pos PKI (P27). Malah borang pos PKI (P27) tercatat tracking no. bagi kedua-dua parcel itu iaitu EM400089410IN dan EM400089295IN. SP6 telah menyerahkan kepada tertuduh kedua-dua parcel yang berupa kain guni putih yang tertulis nama Aiman Abdullah, alamat P2–4–15–P3 Seri Canella Apartment, Jalan Wan Siew Off Jalan Sg Chua, Taman Sepakat Indah Shah Alam dan nombor telefon 0060182425326 serta tracking nombor E400089410IN (P9) pada parcel pertama dan tracking nombor EM40089295IN (P10) pada parcel kedua. Tertuduh menurunkan butir-butir nama Aiman Abdullah, passport 06102147 dan nombor telefon 0116972082 dalam borang PKI (P27) serta akuan penerimaan di buku daftar kaunter (P28). Selesai proses tuntutan, tertuduh mengambil kedua-dua parcel dan pergi berurusan di kaunter 2.

[4] Pada hari yang sama SP13 yang bertugas di kaunter 2 telah didatangi oleh tertuduh membawa bersama dua parcel tersebut. Tertuduh telah membuka salah satu parcel di hadapan SP13. Tertuduh telah mengatakan barang itu sebagai *green tea* sambil mengunyah bahan tumbuhan itu di hadapan SP13. Kemudian SP13 mengarahkan tertuduh ke kaunter 3 bagi urusan seterusnya. Dalam masa yang sama SP13 telah memberitahu perkara tersebut kepada ketua unit Khairul Azhar bin Abu Hasan yang ada bersama-sama ketua serbuan untuk stand by di luar.

[5] Tertuduh kemudian pergi ke kaunter 3 dan berjumpa dengan kerani pos Halimatul Hidayah bt Zakaria (SP7) dengan membawa bersamanya apa yang dikatakan oleh SP7 sebagai consignment notes (P29) dengan catatan tulisan tangan. P29 mengandungi tracking nombor EM400089410IN dan EM400089295IN dan nama Ayman Abdullah serta alamat dan nombor telefon 018–2425326. Selepas menerima P29 dan borang JK78 (P24) daripada tertuduh, SP8 telah daftar butir-butir dalam sistem dan

mengeluarkan satu salinan borang kastam (P30) kepada tertuduh. SP9 telah mengarahkan tertuduh membawa bersama borang P30 ke MAQIS bagi pengesahan barang dan parcel itu.

[6] Pegawai Kastam Kanan Shaharuddin bin Subuh (SP9) pada jam kira-kira 10 pagi setelah menerima maklumat dan atas arahan PKPK(2) telah bergerak bersama pasukan serbuan yang terdiri daripada Aishah bt Ariffin (SP8) dan tiga lagi anggota telah bergerak dari Bahagian Penguatkuasa Kastam KLIA pergi ke Pusat Mel dan Kurier KLIA.

[7] SP8 bersama dua lagi anggota telah berkawal dari sebelah tepi sementara SP9 berkawal di pintu utama dan membuat rondaan. Kira-kira sepuluh minit memerhati, SP8 mendapati tertuduh keluar daripada pintu sambil menolak troli yang dimuati dengan dua bungkusan guni kain berwarna putih (P9 dan P10). SP8 telah menahan tertuduh. Tertuduh memaklumkan kepada SP8 bahawa dia membawa teh dan datang bersama seorang kawan. Apabila SP9 bersama anggota sampai di tempat kejadian, SP8 memaklumkan bahawa tertuduh datang bersama seorang kawan. SP9 dan anggotanya pergi mencari kawan itu tetapi tidak menjumpai sesiapa. SP9 kemudian telah pergi ke pondok pengawal polis bantuan Pusat Mel dan Kurier untuk mengambil dokumen tertuduh. Hasil daripada pemeriksaan mendapati nama di dalam passport tertuduh sama dengan nama yang tertera di dua bungkusan (P9 dan P10). Tertuduh dan barang kes (P9 dan P10) ditahan dan dibawa ke Pejabat Penguatkuasa KLIA untuk tindakan lanjut.

[8] Di pejabat penguatkuasa, SP9 telah membuat pembongkaran atas dua bungkusan guni P9 dan P10 dan membuat tandaan. SP9 menandakan lapisan guni kain sebagai S (P10) dan mendapati ia membalut satu kotak jenama Orpet dan ditandakan 'S1' (P12). Dalam kotak tersebut mengandungi:

(a) tiga bungkusan plastik jenama KASARI METHI 'S1(4)' (P7(1)); 'S1(3)' (P7(3)) DAN 'S1(4)' (P7(4)) yang mengandungi bahan tumbuhan hijau kering;

(b) dua bungkusan plastik jenama GREEN TEA masing-masing ditanda sebagai 'S1(2)' (P7(2)) dan 'S1(5)' (P7(5)) yang masing-masing mengandungi plastik mengandungi tumbuhan hijau kering ditandakan 'S1(2)(1)' (P7(2)(1)) dan 'S1(5)(1)' (P7(5)(A)); dan

(c) satu bungkusan plastik jenama UNITY ditandakan sebagai 'S1(6)' (P7(6)) yang mengandungi plastik berisi merah (biru) berisi tumbuhan hijau kering ditandakan sebagai 'S1(6)(1)' (P7(6)(A)).

Bagi bungkusan guni kain kedua ditandakan sebagai 'N' (P9) yang di dalamnya mengandungi satu kotak jenama TEDDY ditandakan 'N1' (P11) di dalamnya mengandungi:

(i) satu bungkusan plastik jenama KASURI METHI yang mengandungi tumbuhan hijau kering ditandakan 'N1(3)' (P8(3));

(ii) satu bungkusan plastik jenama GREEN TEA ditandakan 'N1(2)' ditandakan 'N1(2)' (P8(2)) yang mengandungi plastik warna kuning mengandungi tumbuhan hijau ditandakan 'N1(2)(1)' (P8(2)(A));

(iii) dua bungkusan plastik warna merah (biru) masing-masing ditandakan 'N1(4)' (P8(4)) dan 'N1(5)' yang mengandungi tumbuhan hijau kering; dan

(iv) satu bungkusan plastik warna putih ditandakan 'N1(1)' (P8(1)).

[9] Semua barang kes dan tertuduh telah diserahkan kepada pegawai penyiasat Mohd Firdaus bin Suhaimi (SP14). Pada 22 Februari 2018, SP14 telah menghantar barang-barang kes berkaitan tumbuhan hijau kering ke ahli kimia Rahmat bin Mamat (SP4) untuk dianalisis. SP4 telah menjalankan analisis mendapati daun-daun tumbuhan tersebut mengandungi cathinone dengan berat bersih keseluruhan bahan tumbuhan berjumlah 11,531g dalam kotak pertama bertanda 'S' dan 12,225g dalam kotak kedua bertanda 'N'. Cathinone adalah disenaraikan dalam Jadual Pertama Akta Dadah Berbahaya 1952.

TUGAS MAHKAMAH DI AKHIR KE PIHAK PENDAKWAAN

[10] Seksyen 180(1) Kanun Tatacara Jenayah mengkehendaki mahkamah di akhir kes pihak pendakwaan untuk mempertimbangkan sama ada pihak pendakwaan telah membuktikan satu kes prima facie terhadap tertuduh jika ia tidak dipatuhi atau dijelaskan akan membawa kepada sabitan.

[11] Dalam kes *Public Prosecutor v Mohd Radzi bin Abu Bakar* [2005] 6 MLJ 393; [2006] 1 CLJ 457; [2005] 6 AMR 303 menjelaskan tugas mahkamah pada akhir kes pihak pendakwaan adalah untuk menentukan satu kes prima facie telah dibuktikan yang memerlukan:

> This requires the court to undertake a maximum evaluation of the prosecution evidence when deciding whether to call on the accused to enter upon his or her defence. It involves an assessment of the credibility of the witness called by the prosecution and the drawing of inferences admitted by the prosecution evidence. Thus, if the prosecution evidence admits of two or more inferences, one of which is in the accused's favour, then it is the duty of the court to draw the inference that is favourable to the accused. See *Tai Chai Keh v Public Prosecutor* [1948–49] MLJ (Supp) 105; *Public Prosecutor v Kassim bin Soeb* [1974] 1 MLJ 230. If the court, upon a maximum evaluation of the evidence placed before it at the close of the prosecution case, comes to the conclusion that a prima facie case has not been made out, it should acquit the accused.

[12] Kes prima facie menurut s 180(3) Kanun Tatacara Jenayah adalah pihak pendakwaan telah membuktikan kesemua inti pati kesalahan melalui saksi yang kredibel jika tidak dipatahkan oleh tertuduh akan berakhir kepada satu sabitan.

[13] Inti pati kesalahan dalam kes ini adalah:

(a) bahan-bahan tumbuhan atau tumbuhan hijau kering yang menjadi hal perkara pertuduhan adalah dadah berbahaya yang dinyatakan bawah Akta Dadah Berbahaya 1952;

(b) tertuduh dalam milikan dan mengetahui apa yang dimilikinya adalah dadah berbahaya tersebut; dan

(c) tertuduh mengedar dadah berbahaya tersebut.

DAPATAN MAHKAMAH INI

[14] Dalam kes ini pihak pembelaan telah mencabar kaedah ahli kimia mendapat dapatan bahawa bahan tumbuhan itu mengandungi berat bersih 11,531g dan 12,225g cathinone.

[15] Pihak pendakwaan dalam pertuduhan terhadap tertuduh menyatakan juga cathinone yang terkandung dalam daun-daun tumbuhan seberat 23,756g. Dalam memenuhi inti pati kesalahan itu, dihujahkan bahawa pihak pendakwaan hanya perlu membuktikan terdapat bahan dadah jenis cathinone terkandung dalam daun-daun tumbuhan yang dirampas dari kedua-dua guni tersebut.

[16] Pihak pendakwaan mengemukakan keterangan SP4, ahli kimia. SP4 menyatakan dalam penyataan saksinya:

> 9. Saya memulakan analisis dengan menimbang berat kasar iaitu bahan tumbuhan bersama-sama dengan bungkusan-bungkusan plastik. Selepas itu saya keluarkan bahan tumbuhan dari bungkusan-bungkusan plastik. Berat bersih bahan tumbuhan ialah selisih (beza) antara berat kasar dengan berat bungkusan sahaja. Kemudian saya telah jalankan satu kaedah ekstraksi ke atas bahan tumbuhan tersebut untuk analisa menggunakan peralatan Gas Chromatography-Mass Spectrometer (GCMS).
>
> 10. Tujuannya bagi mengesahkan jenis bahan yang terdapat dalam bahan tumbuhan tersebut. Daripada ujian ini saya telah mengesahkan bahawa bahan tumbuhan tersebut mengandungi cathinone.
>
> 11. Saya berpuas hati dengan keputusan ujian yang telah saya jalankan dan mencapai keputusan yang konklusif bahawa kesemua bahan tumbuhan tersebut mengandungi cathinone.

[17] SP4 apabila diperiksa balas mengenai piawaian cara menganalisis yang dijalankan sama ada mengikut piawaian UNDOC. SP4 menyatakan bahawa bagi cathinone tiada cara analisis dicadangkan oleh UNDOC dan cara yang SP4 gunakan bagi menentukan dadah cathinone itu adalah melalui cara yang dibina oleh Jabatan Kimia atau 'in-house method.' Dalam menerangkan apa cara yang telah ditetapkan oleh jabatannya, SP4 menyatakan bahawa dengan cara kaedah ekstraksi SP4:

Q: Perenggan 4 penyata saksi dirujuk, setuju cannabis ada method yang diberikan oleh UNDOC.

A: Ya betul ada beberapa method dicadangkan oleh UNDOC.

Q: Jadi, method bagi cannabis ini digunakan oleh Ahli Kimia Malaysia?

A: Ya digunakan oleh Jabatan Kimia.

Q: Bagi cathinone ada tak method yang dicadangkan oleh UNDOC?

A: Tiada.

Q: Jadi apa method yang digunakan jika tiada UNDOC?

A: Method bagi cathinone telah dimajukan dan dibangunkan oleh Bahagian Penyelidikan dan Jaminan Kualiti di Jabatan Kimia. Kemudian diendorkan di bahagian Narkotik JKM dipanggil 'in-house method'.

Q: Berapa kali sudah awak analisa daun ... ini

A: Lebih dari 10 kali.

Q: Para 9 penyata saksi dirujuk, ektraksi awak gunakan GCMS. Boleh terangkan.

A: Kaedah ektrasi ini dilakukan dengan menggunakan liquid iaitu chloroform dan air. Ada beberapa teknik dilakukan untuk dapatkan bahan cathinone. Hasil yang terakhir akan dijalankan dengan menggunakan GCMS.

Q: Setuju definisi cannabis di bawah Akta Dadah adalah seluruh bahan cannabis termasuk akar ...

A: Ya setuju.

Q: Jadi untuk cathinone terdapat beberapa peringkat untuk dapatkan cathinone?

A: Ya betul.

Q: Bagi cathinone, adakah awak kena homogeny?

A: Tidak.

Q: Macamana untuk dapatkan cathinone itu?

A: Bahan tumbuhan itu saya rendam dalam pelarut kerana saya ingin keluarkan bahan aktif iaitu cathinone.

Q: Bahan aktif ini datang dari daun atau batang tumbuhan itu?

A: Saya tidak tahu.

Q: P23 dirujuk. Setuju laporan kimia menyatakan bahawa tumbuhan itu adakah ada mengandungi cathinone?

A: Daun tumbuhan mengandungi cathinone ...

[18] Daripada keterangan SP4 ini menunjukkan bahawa SP4 dalam membuat analisisnya hanya menentukan sama ada wujud bahan aktif cathinone pada daun bahan tumbuhan itu tanpa dapat menentukan kuantitinya. Dengan kata lain, SP4 tidak menjalankan apa-apa ujian kuantitatif. Kuantiti cathinone yang diperolehi bagi semua bahan tumbuhan itu berdasarkan berat bersih bahan tumbuhan itu sendiri iaitu seberat 23,756g. Oleh sebab itu, dalam pertuduhan terhadap tertuduh menyatakan cathinone yang terkandung dalam tumbuhan seberat 23,756g.

[19] Mahkamah ini menyedari bahawa walaupun SP4 tidak menjalankan ujian kuantitatif yang boleh menunjukkan jumlah sebenar dadah tersebut namun tertuduh masih boleh disabitkan dengan pertuduhan pengedaran dengan syarat pihak pendakwaan telah membuktikan milikan dan pengetahuan tertuduh terhadap dadah tersebut dan membuktikan pengedaran melalui keterangan langsung saksi.

[20] Sebelum itu, mahkamah ini menyentuh tentang analisa yang di jalankan dalam mencapai kuantiti dadah seperti yang disebut dalam pertuduhan oleh SP4. Mahkamah ini mendapati sukar untuk menerima dapatan yang dicapai oleh SP4 mengenai kuantiti cathinone pada bahan tumbuhan itu. Memandangkan ia merupakan satu dapatan fakta maka mahkamah ini berhak menentukan sama ada dapatan itu munasabah dan boleh diterima.

[21] Cathinone tidak ditafsirkan tetapi hanya disenaraikan di bawah Jadual Pertama, Bahagian ke-III Akta Dadah Berbahaya 1952 sebagai dadah berbahaya. Tidak seperti jenis dadah yang terdapat pada bahan-bahan dedaun atau tumbuhan yang jelas ditafsirkan seperti *cannabis*, *cocaleaves* atau *opium poppy*. Memandangkan cathinone tidak ditafsirkan sebagai bahan tumbuhan atau bahan aktif yang terdapat dalam tumbuhan maka ia harus dibuktikan kuantiti sebenar cathinone yang terdapat pada tumbuhan itu. Dengan kata lain, bahan-bahan tumbuhan hijau dan kering dalam kes ini harus dianalisis seratus peratus agar dapat dipastikan bahan aktif cathinone terdapat padanya. Jadual pertama hanya menyatakan 'cathinone'. Oleh itu, pihak pendakwaan harus membuktikan jumlah bahan cathinone itu bukan dengan menyamakan kuantiti berat bahan tumbuhan itu sebagai berat cathinone sebenar secara am. SP4 secara jelas menyatakan bahawa berat daun-daun yang mengandungi cathinone 23,756g adalah berat tumbuhan bukan berat cathinone. Malah, apabila mahkamah menanyakan SP4 berapa cathinone sebenar yang terkandung dalam bahan tumbuhan itu, SP4 menyatakan secara am tanpa apa-apa asas peratus bahawa cathinone yang terdapat di dalam tumbuhan itu adalah 2–3% sahaja. Dengan ini mahkamah dapati analisis yang dijalankan oleh SP4 ini tidak konklusif dan tidak dapat menentukan kuantiti bahan cathinone sebenar. Ia tidak boleh diterima oleh mahkamah ini.

[22] Dengan itu, mahkamah tidak dapat menerima dapatan SP4 yang menyatakan jumlah cathinone pada tumbuhan tersebut berjumlah 23,756g. Mahkamah ini dapati SP4 tidak secara pasti dapat menentukan jumlah sebenar cathinone itu. Apa yang mahkamah ini dapat simpulkan bahawa jumlah cathinone itu adalah tidak dapat ditentukan.

[23] Memandangkan tiada anggapan undang-undang pengedaran boleh digunakan bagi pemilikan cathinone maka pihak pendakwaan harus membukitkan secara langsung pengedaran sebenar oleh tertuduh. Dengan hanya menunjukkan tertuduh membawa dari satu tempat ke satu tempat dadah tersebut tidak dengan sendirinya menunjukan pengedaran kecuali ditunjukan tertuduh milikan mens rea diikuti dengan satu *overt act* oleh tertuduh. Hanya milikan secara passive tidak mencukupi (*Ong Ah Chuan v Public Prosecutor; Koh Chai Cheng v Public Prosecutor* [1981] 1 MLJ 64; [1980] 1 LNS 181; *Mohamad Yazri bin Minhat v Public Prosecutor* [2003] 2 MLJ 241; [2003] 2 CLJ 65 dirujuk). Dalam kes di hadapan mahkamah ini daun-daun yang dikatakan terdapat dadah cathinone itu hanya dibungkus secara terbuka yang mudah dikesan oleh sesiapa dan tidak ada melibatkan penyerahan kepada mana-mana pihak ketiga. Oleh itu, tertuduh hanya memiliki secara passive. Lagi pula jumlah dadah sebenar tidak dapat ditentukan. Tidak mungkin dengan perbuatan itu tertuduh membawa bungkusan itu untuk tujuan pengedaran.

RANTAI IDENTITI BARANG KES TERPUTUS

[24] Sekiranya mahkamah dapati rantaian identiti barang kes terputus sejak ia dijumpai sehingga dikemukakan ke mahkamah, maka ia boleh menjadi satu asas pembebasan tertuduh daripada pertuduhan kerana terdapat keraguan dalam kes pihak pendakwaan (*Yusri bin Pialmi v Public Prosecutor* [2011] 4 MLJ 533; [2010] 6 CLJ 878).

[25] Dalam kes ini, perkara identiti barang kes telah dicabar oleh pihak pembela. Apabila dicabar, adalah menjadi tugas pihak pendakwaan menunjukkan identiti serta rantaian atau turutan latar belakang sepenuhnya terhadap barang kes daripada ia mula-mula berada di dalam pihak penguat kuasa atau polis sehingga ia dikemukakan di mahkamah, dan ia merupakan perkara fakta (*Natcha Dabkaew v Public Prosecutor* [2014] 8 CLJ 719 dirujuk).

[26] Dalam kes di hadapan mahkamah ini, pihak pembelaan membangkitkan melalui saksi pihak pendakwaan SP5, SP6 dan SP13 bahawa bungkusan guni kain P9 dan P10 itu boleh diakses dan tidak dijaga dengan sempurna oleh pekerja lain di Pusat Mel dan Kurier KLIA.

[27] Barang kes bungkusan guni kain (P9 dan P10) yang mengandungi kotak (P11 dan P12) yang terdapat tumbuhan hijau kering di dalamnya mula dikesan oleh SP13 pada 9 Februari 2018 jam 9.30 pagi yang pada masa itu melakukan kerja isian parcel/kotak di bahagian belakang EMS di Pusat Mel dan Kurier KLIA. SP13 telah mengimbas bungkusan guni kain (P9 dan P10) dan mendapati ada kandungan yang meragukan. SP5 yang juga bertugas pada bahagian yang sama pada hari yang sama itu juga mengesahkannya. SP5 telah merujuk kepada ketua unit beliau. Ketua unit SP5 telah mengarahkan SP5 untuk membuat borang JK78 (P24) iaitu borang penahanan parcel. Semasa disoal oleh pihak pendakwa apabila dirujuk borang JK78 (P24), SP5 mengesahkan akan borang tersebut kerana ada cetakan nombor badan SP13 pada borang tersebut iaitu PIK10776. Walau bagaimanapun, apabila SP13 memberi keterangan ketika dirujuk dengan borang P24 itu, SP13 mengesahkan bahawa borang JK78 (P24) itu adalah borang JK78 yang dia sendiri sediakan. Menurut SP5, borang P24 itu serta dua bungkusan guni kain itu akan dihantar ke pegawai pos di Pusat Mel dan Kurier KLIA yang akan menyimpan dua bungkusan guni kain (P9 dan P10) di dalam bilik tahanan mereka.

[28] Selepas empat hari dua bungkusan guni kain (P9 dan P10) itu di bilik tahanan itu, tertuduh telah datang menuntutnya. SP13 dan SP6 mengesahkan bahawa tertuduh datang untuk menuntut dua bungkusan P9 dan P10 pada 13 Februari 2018. SP6 adalah kerani yang bertugas di kaunter tahanan di Pos Malaysia International Hub (PMIB) di Pusat Mel dan Kurier itu menyatakan tertuduh telah datang membawa borang hijau (P26) untuk membuat tuntutan. Berpandukan rujukan E5047 dan borang hijau itu, SP6 berjaya mengesan dua bungkusan P9 dan P10 di bilik tahanan itu. Pada hari itu dua bungkusan itu telah diserahkan kepada tertuduh dan tertuduh ditangkap ketika membawa bungkusan-bungkus guni itu. Walaupun SP13 menyatakan borang JK78 dan kedua-dua bungkusan itu diserahkan pada En Azlan tetapi SP6 yang dikenali sebagai Muhammad Azlan bin Rahim jika benar diserahkan kepada beliau (Azlan), SP6 sendiri tidak pernah mengesahkan perkara tersebut.

[29] Menurut SP5 dan SP6 bahawa terdapat enam kakitangan yang bertugas di kaunter tahanan itu dan mereka semua ada akses kepada bungkusan-bungkusan yang ditahan. SP5 dan SP13 pula tidak pernah secara jelas menyatakan bahawa salah seorang daripada mereka atau mereka berdua telah menghantar kedua-dua bungkusan guni kain P9 dan P10 itu. Keterangan SP5 hanya menjelaskan tentang prosedur kerjanya iaitu selepas mengisi borang JK78, borang serta dua bungkusan itu akan diserah kepada ketua pos. SP13 langsung tidak menyebut bagaimana dua bungkusan itu dihantar serta SP6 juga tidak menyatakan bagaimana dua bungkusan guni kain P9 dan P10 itu boleh berada di bilik berkenaan dan tidak menerangkan bagaimana kedua-dua

bungkusan itu dijaga. Daripada keterangan pihak pendakwaan melalui SP5, SP6 dan SP13 bahawa dua bungkusan guni kain telah diimbas, borang JK78 (P24) diisi pada 9 Februari 2018 dan pada 13 Februari 2018 selepas ia ditahan oleh SP5 dan SP13 jam kira-kira 9.30 pagi sehingga ia diserahkan pada tertuduh pada 13 Februari 2018 jam antara 9 hingga 10 pagi. Kelompongan ini tidak dijelaskan. Lebih-lebih lagi kedua-dua bungkus kain guni P9 dan P10 bukan satu bungkusan yang diseal atau bukan bungkusan yang diikat tanpa boleh dibuka oleh sesiapa. Tiada keterangan yang menerangkan keadaan kerapian bungkusan itu. Lebih-lebih lagi tidak ada bukti yang menunjukkan selepas ia ditahan, kedua-dua bungkusan itu berada dalam kawalan mana-mana saksi. Selain itu tiada keterangan yang diketengahkan bagaimana dan bila kedua-dua bungkusan guni kain P9 dan P10 itu berada dan disimpan di bilik tahanan dan tiada keterangan yang menunjukkan kedua-dua kakitangan bahagian atau unit tahanan parcel itu tidak mengacau ganggu barang kes tersebut. Kelompongan ini menjadikan satu kekosongan yang serius bagi kes pihak pendakwaan. SP13 sendiri mengatakan kotak itu tidak berseal semasa tertuduh berjumpa SP13.

[30] SP5 dalam mengecam dua bungkusan guni kain P9 dan P10 dan borang JK78 (P24) itu tidak mengingati akan butir-butir dua bungkusan kain guni P9 dan P10 itu terutamanya mengenai nombor tracking, sehingga beliau ditunjukkan oleh pihak pendakwaan akan barang kes itu. Dengan itu, pengecaman SP5 bukan berdasarkan identiti barang kes yang ditahan pada hari kejadian 9 Februari 2018 itu tetapi berdasarkan butir-butir barang-barang kes yang ada ditunjukkan pada hari perbicaraan. Begitu juga dengan SP13. Bahkan SP13 hanya boleh mengecam kotak (P11 dan P12) apabila ditunjukkan. SP13 sebagai pegawai yang mula-mula menemui dua bungkusan guni (P9 dan P10) itu tidak pernah menerangkan akan butir-butir pada bungkusan itu yang merupakan identiti sebenar barang kes tersebut seperti mana yang disebut oleh SP6 semasa memberi keterangan yang menyatakan dua bungkusan yang diserahkan kepada tertuduh pada 13 Februari 2018 merupakan guni kain putih (P9 dan P10) yang tercatat nama Aiman Abdullah, alamat rumah, nombor telefon 0060157425326 dan tercatat tracking nombor pada guni kain P9 sebagai EM400089410IN dan pada kotak guni kain P10 sebagai EM400089295IN. Rantaian keterangan dua barang kes bungkusan guni ini tidak bersambung dari SP13 ke SP6 kerana tidak ada borang akaun serah terima barang kes.

[31] Kelompongan ini, ditambah lagi dengan ketiadaan plastik bertanda S1(1)(1) yang mengandungi tumbuhan hijau kering yang dijumpai dalam bungkusan plastik jenama Kasuri Methi yang ditanda 'S1(1)' (P7(1)) yang berada dalam kotak (P12) yang dibalut dengan guni kain putih (P10). Barang kes ini dijumpai dan ditandakan oleh SP9 yang menahan dan menangkap tertuduh. Borang bongkar (P33) menunjukkan perkara sama. SP14 sebagai

pegawai penyiasat turut menyatakan ada menerima barang kes daripada SP9. SP14 melalui borang kimia 14 (P21) yang dihantar ke ahli kimia bersama-sama barang kes turut menyenaraikan bungkusan atau plastik bertanda 'S1(1)(1)' ini. Malangnya ahli kimia P4 tidak pernah menyebut apa-apa baik dalam keterangannya mahupun dalam laporan kimia (P23) mengenai barang kes tersebut. Semasa di mahkamah juga barang kes tersebut tiada dikemukakan dan diperjelaskan oleh saksi akan ketiadaannya. Barang kes ini menjadi begitu penting memandangkan terdapat tumbuhan hijau kering di dalamnya yang berada dalam bungkusan guni kain P10. Persoalan yang timbul adalah sama ada bungkusan guni kain (P10) dan kotak (P12) itu telah atau boleh dikacau ganggu semasa ia dijumpai dan sepanjang masa ia ditahan. Dalam ketiadaan penjelasan mana-mana saksi telah menimbulkan kelompongan serius atas jagaan dan rantaian keterangan barang kes yang menimbulkan keraguan serius atas kes pihak pendakwaan.

[32] Identiti barang kes tumbuhan hijau kering yang berada dalam dua plastik warna merah masing-masing bertanda N1(4) dan N1(5) (P8(4) dan P8(5)) yang dijumpai dalam kotak (P12) yang dibungkuskan dalam guni kain (P10) seperti yang dinyatakan oleh SP9 dalam borang geledah P33 turut diragui. SP9 semasa diminta memberi penjelasan mengenai warna plastik yang bertanda 'N1(4) dan N1(5)' itu dengan merujuk kepada barang kes P8(4) dan P8(5) menyatakan:

> Q: Boleh jelaskan warna apa plastik yang awak tanda N(4) dan N1(5) (P8(4) dan P8(5))?
>
> A: Sebenarnya kedua-dua plastik itu berwarna biru. Dalam penyata saksi say a di perenggan 12, say a menyatakan warna merah adalah salah.

[33] Walau bagaimanapun, SP9 tidak pernah menyatakan atau menjelaskan mengenai warna plastik merah yang beliau catatkan dalam borang bongkar P33 dengan tandaan sama N1(4) dan N1(5). Begitu juga SP14 pegawai penyiasat yang menerima barang kes daripada SP9 menyatakan dalam penyata saksi akan warna plastik itu adalah warna merah. Tapi SP14 menyatakan perkara sama iaitu kesilapan sebenarnya warna biru selepas beliau ditunjukkan dengan barang kes P8(4) dan P8(5). Walaupun ia dikatakan kesilapan tetapi memandangkan terdapat kelompongan yang serius dalam rantaian jagaan barang kes ini dan memandangkan tiada penjelasan mengenai catatan warna merah pada plastik yang dirampas dalam senarai bongkar P33 maka mahkamah ini meragui akan identiti sebenar plastik yang dirampas yang mengandungi bahan tumbuhan hijau kering yang menjadi sebahagian hal perkara pertuduhan. Keraguan timbul lebih-lebih lagi apabila Syaliana bt Jenal, pegawai kastam yang turut sama dalam pasukan serbuan yang berperanan sebagai pencatat dan yang menyediakan borang bongkar P33, tidak dipanggil sebagai saksi menjelaskan percanggahan tersebut. Dalam kes *Sia Pang Liong v Public Prosecutor* [2013] 2 MLJ 490; [2012] 9 CLJ 848

menyatakan:

> [11] *Thus, the identity of the drug exhibits was being challenged by the appellant. Once there is such a challenge, the prosecution bears the burden of proving beyond reasonable doubt that there are no gaps in the chain of evidence. It is the burden of the prosecution to adduce evidence that the drug exhibits that were recovered from the appellant and that were sent to the chemist for analysis were the same drug exhibits that the appellant was charged with.*
>
> [17] In the circumstances of this case, ASP Izanizam should have been called by the prosecution as its witness. This is bearing in mind that the drug exhibits were in ASP Izanizam's custody for almost a month. If he was called as a witness, he could have explained what he did with the drug exhibits in particular as to how the drug exhibits were kept during the said period. Most importantly, he could have also identified the drug exhibits. But, it did not happen in this case. This has raised a doubt as to the identity of the drug exhibits. Therefore, we are giving the benefit of the doubt to the appellant. (Penekanan diitambah.)

[34] Dengan itu, mahkamah mendapati daripada fakta dan hal keadan kes ini pihak pendakwaan telah gagal membuktikan melampaui keraguan akan identiti dan rantaian keterangan barang kes yang yang dikemukakan di mahkamah itu merupakan barang kes yang sama ditahan dan dirampas pada hari kejadian (kes *Hasbala Mohd Sarong v Public Prosecutor* [2013] 6 MLJ 636; [2013] 6 CLJ 945 dirujuk).

[35] Mahkamah ini juga mendapati bahawa tertuduh tidak mempunyai pengetahuan akan barang kes yang terkandung dalam dua bungkusan guni kain dan kotak itu adalah dadah berbahaya cathinone. SP13 menyatakan tertuduh membuka sendiri salah satu kotak itu dan mengambil serta mengunyah sendiri tumbuhan hijau kering itu di hadapannya sambil memberitahu *green tea*. Dari keterangan ini tentunya pengetahuan tertuduh terhadap tumbuhan hijau kering itu adalah satu tumbuhan daripada kategori teh yang dibenarkan untuk diminum. SP9 pula menyatakan tertuduh tidak cuba lari, melawan dan tertuduh memberi kerjasama semasa ditahan, ini menunjukkan perlakuan orang yang tidak bersalah atau tidak mengetahui bahan tumbuhan kering itu mengandungi cathinone.

[36] Dengan itu, mahkamah ini mendapati pihak pendakwaan gagal membuktikan satu kes prima facie terhadap tertuduh. Tertuduh dilepas dan dibebaskan.

Tertuduh dilepaskan dan dibebaskan.

Dilaporkan oleh Mohd Kamarul Anwar